

**LAPORAN PERHIMPUNAN ASOSAI KE-12, SIMPOSIUM KE-5 DAN MESYUARAT
LEMBAGA PENGELOLA ASOSAI KE-45 DI JAIPUR, INDIA
PADA 27 FEBRUARI - 4 MAC 2012**

Perhimpunan *Asian Organisation of Supreme Audit Institutions* (ASOSAI) ke-12 telah diadakan pada 27 Februari hingga 4 Mac 2012 di Jaipur, India. Perhimpunan tersebut telah dihadiri oleh seramai 15 pemerhati dan 182 orang delegasi dari 44 ahli anggota Negara ASOSAI seperti Afghanistan, Armenia, Australia, Bahrain, Bangladesh, Bhutan, Brunei, Cambodia, Cina, Cyprus, Georgia, India, Indonesia, Iran, Iraq, Israel, Japan, Jordan, Kazakhstan, Korea, Kuwait, Kyrgyzstan, LAO PDR, Maldives, Mauritius, Mongolia, Myanmar, Nepal, Oman, Pakistan, Papua New Guinea, Filipina, Qatar, Russia, Saudi Arabia, Singapura, Sri Lanka, Thailand, Turki, Emirah Arab Bersatu, Vietnam, termasuk Malaysia. Jabatan Audit Negara diwakili oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara Malaysia, En. Zulkipli bin Abdullah, Pengarah Sektor Audit Khas & Penyelidikan, En. Abdul Wahab bin Ahmad, Pengarah Akademi Audit Negara, En. Roslan bin Abu Bakar, Timbalan Pengarah, Jabatan Audit Negara Negeri Selangor, Pn. Carolina Muyang Lileng, Ketua Penolong Pengarah Audit, Sektor Audit Khas & Penyelidikan, En. Nik Zamzuraidi bin Mohd Nor, Penolong Pengarah Audit, Sektor Audit Khas & Penyelidikan dan En. Azli bin Ariffin, Penolong Juruaudit, Sektor Audit Khas & Penyelidikan. Perhimpunan ini dihoskan oleh Pejabat Komptroller dan Ketua Audit Negara India yang bertujuan untuk memberi peluang kepada ahli anggota ASOSAI bertukar pandangan dan pengalaman mengenai isu dan perkembangan bidang pengauditan sektor awam di samping mengeratkan hubungan antara mereka.



Delegasi Perhimpunan ASOSAI Ke-12

MAJLIS PERASMIAN PERHIMPUNAN ASOSAI KE-12

Perhimpunan tersebut dirasmikan oleh En. Shiv Raj Patil, Gabenor Rajasthan. Majlis perasmian tersebut turut dihadiri oleh En. Ashok Gehlot, Ketua Menteri Rajasthan, En. Terence Nombembe, Pengerusi INTOSAI, Dr Josef Moser, Setiausaha Agung INTOSAI dan Pn. Helena Abreu Lopes bagi pihak Encik Guiherme d'Oliveira Martins, Presiden EUROSAI.

Dalam mesej En. Shiv Raj Patil, Gabenor Rajasthan sempena perasmian perhimpunan ini, beliau menyebut tentang pentingnya peranan Institusi Utama Audit dalam memastikan akauntabiliti institusi awam yang merupakan faktor utama dalam meningkatkan tadbir urus dan wang awam dibelanjakan dengan berhemat. Menurut beliau adalah perlu juruaudit dilengkapi dengan kemahiran profesional, teknik pengauditan yang baru dan inovatif agar mereka boleh melaksanakan tugas pengauditan dengan efektif. Oleh yang demikian, kerjasama antara Institusi Utama Audit akan dapat membantu meningkatkan kapasiti tersebut. Beliau memuji tindakan oleh ASOSAI dan INTOSAI menjajarkan piawaian pengauditan ahli-ahli mereka dengan amalan terbaik dan membina keupayaan melalui latihan dan perkongsian pengalaman.

Beliau turut menasihatkan SAIs untuk mengambil peranan yang lebih proaktif dalam menasihati jabatan kerajaan supaya mengaji semua proses kerajaan untuk mengenal pasti proses yang berulang dan usang. Selain itu, SAIs perlu menambahbaikkan metodologi dan proses kerja dengan sewajarnya dengan bukan sahaja meneliti rekod tetapi juga melihat kesan skim kerajaan di peringkat akar umbi, termasuk maklum balas daripada rakyat. Beberapa teknik baru untuk penilaian program awam sedang diuji oleh pakar-pakar pembangunan dan juruaudit mesti mempertimbangkan bagaimana untuk menggunakan teknik-teknik tersebut dalam kerja audit supaya input dalam penapisan dasar awam menjadi lebih bermakna.

Pengurus kerajaan perlu belajar daripada sektor swasta, iaitu, inovasi berterusan dalam produk dan proses. Sektor swasta bukan sahaja membuat keuntungan kecekapan yang besar tetapi juga menambahbaikkan kualiti perkhidmatan dan produk mereka. Selain itu, terdapat keperluan untuk mewujudkan ekosistem dalam kerajaan yang menggalakkan inovasi dan penciptaan paradigma baru akauntabiliti. Beliau juga mengatakan bahawa dalam tahun kebelakangan ini, *Public Private Partnership* (PPP) telah diwujudkan untuk mengambil kesempatan daripada kecekapan pengurusan sektor swasta sama ada dalam mewujudkan infrastruktur baru atau memodenkan atau meningkatkan prestasi institusi kerajaan. Beliau menasihatkan supaya SAIs memastikan kepentingan awam mencukupi, dilindungi dalam reka bentuk dan pelaksanaan PPP di mana insentif yang mencukupi wujud untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan awam. Beliau percaya melalui perhimpunan ini, ahli anggota ASOSAI akan berkongsi pengalaman dan kebijaksanaan bagi membolehkan mereka bertindak balas terhadap sebarang cabaran tadbir urus yang baik.



Para Tetamu Kehormat



Para Delegasi

SESI PERTAMA PLENARI

Perhimpunan ASOSAI ini terbahagi kepada dua sesi plenari. Pada sesi pertama plenari yang berlangsung pada 29 Februari 2012, perhimpunan telah bersetuju menerima laporan seperti berikut:

- a) Laporan Aktiviti Sekretariat sejak perhimpunan lepas oleh Setiausaha Agung ASOSAI.
- b) Laporan Penyata Kewangan ASOSAI Bagi tahun Kewangan 2009 – 2011 oleh Setiausaha Agung ASOSAI.
- c) Laporan Jawatankuasa Audit bagi keputusan audit luar terhadap Penyata Kewangan ASOSAI Bagi tahun Kewangan 2009 – 2011 oleh Jawatankuasa Audit.
- d) Pengubalan Rancangan Bajet Pelbagai Tahun Bagi Tahun Kewangan 2012 – 2015 oleh Setiausaha Agung ASOSAI.
- e) Laporan Mengenai Aktiviti Latihan ASOSAI- Pembentangan Khas oleh SAI India: *Capacity building activities of the Office of the Comptroller and Auditor General of India.*
- f) Laporan Aktiviti INTOSAI *Development Initiative* (IDI) oleh IDI.
- g) Laporan Pertengahan Tahun Mengenai Pelaksanaan Pelan Startegik ASOSAI Bagi Tahun 2011-2015 oleh Setiausaha Agung ASOSAI.
- h) Laporan Mengenai Keputusan Projek Penyelidikan ke 9 oleh Setiausaha Agung.
- i) Laporan Mengenai Jurnal ASOSAI oleh SAI India.

- j) Laporan Mengenai Kerjasama ASOSAI-EUROSAI - Persidangan Bersama Pertama ASOSAI-EUROSAI dan MoU Mengenai Kerjasama antara ASOSAI dan EUROSAI oleh Setiausaha Agung ASOSAI.
- k) Laporan Mengenai Kemajuan Inisiatif-inisiatif INTOSAI - Integrasi Deklarasi Lima dan Mexico kepada dokumen PBB dan Pelaksanaan *International Standards of Supreme Audit Institutions* (ISSAIs) oleh Setiausaha Agung ASOSAI.
- l) Laporan Mengenai Jawatankuasa Standard Profesional INTOSAI oleh SAI China.
- m) Laporan Mengenai Kumpulan Kerja Pengauditan IT INTOSAI oleh SAI India.
- n) Laporan Mengenai Jawatankuasa Kewangan dan Pentadbiran INTOSAI oleh SAI Saudi Arabia.
- o) Pembentangan Khas berhubung *Capacity Building of SAIs* oleh Jawatankuasa *Capacity Building* INTOSAI yang dipersembahkan oleh SAI Morocco.
- p) Laporan Mengenai Kumpulan Kerja Pengauditan Alam Sekitar ASOSAI oleh SAI China.
- q) Cadangan oleh Lembaga Pengelola untuk meminda Peraturan 15 bagi Syarat dan Peraturan ASOSAI.
- r) Pengumuman SAI Malaysia sebagai tuan rumah untuk Perhimpunan ASOSAI 13 pada 2015 dan SAI Korea sebagai Setiausaha Agung ASOSAI bagi tahun 2012 – 2015.
- s) Pengumuman ahli *ex-officio* Lembaga Pengolahlah bagi 2012-2015. Ahli-ahli adalah:
 - SAI India sebagai Pengerusi bagi tahun 2012-15;
 - SAI Malaysia sebagai tuan rumah Perhimpunan ASOSAI Ke-13 pada tahun 2015;
 - SAI Korea sebagai Setiausaha Agung bagi tahun 2012-2015;
 - SAI Japan sebagai Pentadbir Latihan bagi tahun 2012-15; dan
 - SAI Pakistan sebagai bekas Pengerusi

Pada perhimpunan ini, ahli anggota ASOSAI juga telah dimaklumkan mengenai pencalonan negara-negara SAI bagi jawatan ahli Lembaga Pengelola ASOSAI iaitu Bangladesh, Bhutan, China, Iran, Iraq, Jordan, Mongolia, Filipina, Persekutuan Russia, Saudi Arabia, Thailand dan Emirah Arab Bersatu dan Jawatankuasa Audit iaitu Bangladesh, Jordan, Mongolia, Myanmar, Nepal dan Turki serta penerangan mengenai prosedur pengundian.

SIMPOSIUM ASOSAI KE-5

Turut diadakan bersempena perhimpunan ini ialah Simposium ASOSAI ke-5 dengan tajuk ***Assimilating the International Standard of Supreme Audit Institutions (ISSAIs)*** yang berlangsung pada 2 Mac 2012. Simposium dimulakan dengan ucapan aluan oleh En. Vinod Rai, Pengerusi ASOSAI dan diteruskan dengan pengenalan oleh Dr. Kun Yang, Setiausaha Agung ASOSAI, ucapnama oleh En. Anupam Kulshreshtha, Timbalan Komptroller & Ketua Audit Negara India dan En. Gert Jonsson, Timbalan Ketua Audit Negara Sweden, laporan khas oleh Dr. Dong Dasheng Timbalan Ketua Audit Negara Cina, dan Dr. Sergey Stepashin, Pengerusi *Account Chamber* Russia. Antara panel yang menyertai pembentangan dan perbincangan topik adalah SAI Australia, SAI Bhutan, SAI Cyprus dan SAI Pakistan.



Ucapan oleh Pengerusi ASOSAI



Delegasi Malaysia

SESI KEDUA PLENARI

Sesi kedua Plenari yang diadakan pada 3 Mac 2012 menyaksikan pengundian bagi memilih ahli Lembaga Pengelola dan Jawatankuasa Audit yang dijalankan secara terbuka. Hasil pengundian, komposisi ahli Lembaga Pengelola ASOSAI bagi tahun 2012 – 2015 adalah terdiri daripada SAI Cina, SAI Bangladesh, SAI Filipina, SAI Saudi Arabia, SAI Persekutuan Russia dan SAI Thailand. Manakala Jawatankuasa Audit yang dipilih ialah SAI Turki dan SAI Jordan.

Pada sesi ini, para delegasi bersetuju menerima laporan pengerusi mengenai Simposium ASOSAI ke-5. Sesi ini juga menyaksikan pembentangan Khas oleh Setiausaha Agung *Asia Regional Association of Public Accounts Committee* (ARAPAC), ucapan daripada Ketua Audit Negara Malaysia sebagai tuan rumah Perhimpunan ASOSAI 2015 dan Ketua Audit Negara Korea sebagai Setiausaha Agung ASOSAI 2012 – 2015. Ucapan penutup Perhimpunan daripada pengerusi ASOSAI iaitu Ketua Audit Negara India mengakhiri sesi ini.



Pengedaran Kertas Undi



Pembuangan undi oleh Tan Sri KAN

Candidate SAI	Bangladesh	Bhutan	China	Iran	Iraq	Jordan	Mongolia	Philippines	Russian Fed.	Thailand	Saudi Arabia	UAE
No. of Votes	26	15	38	17	16	0	16	26	22	22	23	16
Ballot 42												
Ballot 41												
Ballot 40												
Ballot 39												
Ballot 38												
Ballot 37												
Ballot 36												
Ballot 35												
Ballot 34												
Ballot 33												
Ballot 32												

Keputusan Pengundian Lembaga Pengelola

Candidate SAI	Jordan	Mongolia	Myanmar	Nepal	Turkey
No. of Votes	15	8	12	11	26
Ballot 42					1
Ballot 41					1
					2
					2

Keputusan pengundian Jawatankuasa Audit

MESYUARAT LEMBAGA PENGELOLA ASOSAI KE-45

Mesyuarat Lembaga Pengelola ASOSAI ke-45 diadakan pada sebelah petang 3 Mac 2012. Mesyuarat dimulakan dengan ucapan aluan oleh En. Vinod Rai, Pengerusi ASOSAI bagi 2012 – 2015. Mesyuarat diteruskan dengan pengesahan minit mesyuarat Lembaga Pengelola ASOSAI ke-44 di mana tidak ada pindaan atau perkara berbangkit. Antara agenda mesyuarat tersebut adalah seperti berikut:

- Mesyuarat bersetuju memilih ***Audit to Detect and Corruption: Evaluation of the Fight Against Corruption and Money Laundering*** sebagai tajuk Projek Penyelidikan ASOSAI ke-10.
- Pembentangan laporan Perhimpunan ASOSAI ke-13 oleh Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara selaku tuan rumah perhimpunan. Beliau memaklumkan mesyuarat bahawa SAI Malaysia sedang membuat persiapan untuk perhimpunan tersebut

yang akan diadakan di Kuala Lumpur, Malaysia pada 10 – 12 Februari 2015 bertempat di Kuala Lumpur *Convention Centre* (KLCC). Beliau juga memaklumkan bahawa semua mesyuarat akan diadakan di pusat konvensyen dan penginapan untuk para perwakilan adalah di hotel terpilih di sekitar pusat konvensyen tersebut. SAI Malaysia sedang dalam proses mewujudkan sebuah laman web khas untuk perhimpunan di mana id dan kata laluan masuk akan disediakan untuk ahli ASOSAI untuk mengakses maklumat acara yang dirancang. Satu pautan ke laman web hotel terpilih juga akan dipaparkan di laman web dan ahli SAI boleh membuat tempahan penginapan bagi perwakilan secara langsung dengan hotel masing-masing pada kadar khas yang dirundingkan oleh SAI Malaysia. Beliau juga dimaklumkan bahawa Simposium ASOSAI ke-6 akan dijadualkan pada 13 Februari 2013 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur. SAI Malaysia akan memaklumkan kepada Setiausaha Agung SAI tema yang dipilih untuk diedarkan kepada ahli SAIs bagi komen mereka. Tuan rumah akan meminta Setiausaha Agung untuk mendapatkan kesanggupan ahli SAIs membentangkan kertas kerja atau laporan negara mengenai tema tersebut atau menjadi ahli panel pada simposium. Mesyuarat Lembaga Pengelola ke-48 akan diadakan pada 9 Februari 2015 di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur iaitu satu hari sebelum Perhimpunan ASOSAI dan Mesyuarat Lembaga Pengelola ke-49 akan diadakan pada sebelah petang 11 Februari 2015 di tempat yang sama iaitu selepas tamatnya sesi kedua Plenari Perhimpunan ASOSAI. Program sosial yang dirancang adalah lawatan sehari pada 12 Februari 2015 ke tempat seperti Bandar Bersejarah Melaka, Genting Highlands, Kuala Lumpur atau Putrajaya dan aktiviti rekreasi pilihan termasuk golf dan bowling pada 14 Februari 2015. Beliau memohon kerjasama ahli SAIs untuk memaklumkan penyertaan mereka terlebih dahulu bagi membolehkan persiapan yang perlu dibuat.

- Mesyuarat bersetuju menerima cadangan SAI Filipina untuk menganjurkan Mesyuarat Lembaga Pengelola ASOSAI ke-46 pada tahun 2013.
- Mesyuarat bersetuju menerima cadangan SAI Russia untuk menganjurkan Mesyuarat Lembaga Pengelola ASOSAI ke-47 dan Persidangan Bersama ASOSAI-EUROSAI ke-2 pada tahun 2014.

Mesyuarat diakhiri dengan ucapan penutupan oleh Pengerusi ASOSAI bagi tahun 2012 – 2015.



Ucapan Pengerusi ASOSAI bagi tahun 2012 – 2015



Pembentangan Laporan Perhimpunan ASOSAI Tahun 2015 oleh YBhg. Tan Sri Dato' Setia Ambrin bin Buang, Ketua Audit Negara selaku Tuan Rumah



Pembentangan Khas oleh Setiausaha Agung ARAPAC



Delegasi Malaysia

PROGRAMME LAWATAN

Perwakilan telah di bawa melawat Fort Jaigarh, Istana Amber dan Jal Mahal yang terletak di Jaipur, Rajasthan pada 1 Mac 2012 dan Taj Mahal di Agra, Utter Pradesh pada 4 Mac 2012.



Di atas Fort Jaigarh



Jal Mahal di belakang



Pintu Masuk Istana Amber



Satu Sudut Hadapan Taj Mahal